

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN  
DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jelaskan adakah projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) yang pernah dicadangkan oleh Kerajaan Kedah dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) akan diluluskan oleh Jemaah Menteri dan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).

**JAWAPAN**

**Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Oktober 2020 hanya memberi kelulusan prinsip terhadap cadangan Projek Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP). Kelulusan prinsip ini adalah tertakluk kepada permohonan mendapatkan pertimbangan daripada MOT dan beberapa agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Alam Sekitar, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan beberapa agensi Kerajaan lain.

2. Cadangan pembinaan KXP juga adakah tertakluk kepada Kajian Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara (NASP) yang akan dimulakan pada awal tahun 2021 bagi semua 42 lapangan terbang sedia ada termasuk cadangan pembinaan lapangan terbang baharu. Maka, penggerak projek KXP kelak akan diminta untuk memberi maklumat kepada pasukan perunding NASP berhubung unjuran-unjuran yang realistik dan tepat khususnya unjuran permintaan perkhidmatan penumpang dan kargo serta komitmen syarikat penerbangan yang ingin menggunakan KXP, lebih-lebih lagi dalam era pasca COVID-19.

3. Asas cadangan pembinaan KXP yang digunakan oleh penggerak projek adalah bagi menyokong (complement) pengendalian penumpang dan kargo yang disediakan oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Sehubungan itu, pembinaan KXP adalah wajar dipertimbangkan setelah kapasiti pengendalian LTAPP mencecah kapasiti maksima. Dalam hubungan ini, unjuran permintaan penumpang dan kargo mestilah bersandarkan kepada asas dan data yang kukuh serta tepat (reliable) mengambilkira pembangunan kapasiti maksima LTAPP demi memastikan kebolehsanaan (viability) projek pembinaan KXP.

4. Kelulusan Akhir bagi cadangan pembinaan Lapangan Terbang Kulim hanya akan dipertimbangkan apabila kajian NASP telah disiapkan serta pematuhan kepada semua syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain sepertimana yang dinyatakan dalam laporan-laporan teknikal seperti Laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA), Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA), Laporan Penilaian Impak Trafik (TIA) dan sebagainya.

5. Kementerian Pengangkutan mengalu-alukan sebarang cadangan daripada mana-mana pihak sama ada Kerajaan Negeri atau syarikat swasta untuk membina lapangan terbang. Akan tetapi, Kementerian Pengangkutan perlu memastikan cadangan pembinaan lapangan terbang benar-benar *viable*, *sustainable* dan memenuhi keperluan teknikal yang ditetapkan oleh CAAM dan MAVCOM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
PENGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA,  
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN  
TUN  
DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**SOALAN**

**DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jelaskan berapa caj yang dibayar oleh Kementerian kepada vendor-vendor yang mengendalikan Program Kursus Pembangunan Usahawan B40 bagi pihak Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), dan senaraikan vendor-vendor tersebut. Berapakah peserta yang telah memanfaatkan program ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Skim *B40 Development* merupakan salah satu skim yang ditawarkan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) di bawah inisiatif PENJANA yang bertujuan untuk melengkapkan golongan pekerja kategori B40 dengan kemahiran dan pengetahuan khusus melalui latihan berkemahiran tinggi, dan memperoleh kemahiran keusahawanan, seterusnya meningkatkan pendapatan dalam pelbagai industri.

2. Caj kursus yang diluluskan oleh PSMB terbahagi kepada dua elemen iaitu, yuran kursus dan juga kit permulaan (*starter kit*) yang diberikan kepada pelatih setelah menamatkan latihan. Caj kursus ini boleh melebihi RM5,000 bergantung kepada tempoh masa kursus berkenaan dijalankan dan juga kit permulaan yang diberikan kepada para pelatih. Secara purata, yuran kursus bagi seorang pelatih di bawah program ini adalah sebanyak RM5,000. Setakat 16 Oktober 2020, 9,374 kuota pelatih telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM32.10 juta.

3. Di bawah inisiatif ini, sebanyak 35 pusat latihan telah diluluskan. Kuala Lumpur mencatatkan jumlah penyedia latihan tertinggi iaitu 45.7%, diikuti dengan Selangor (28.6%) dan Pulau Pinang (11.4%).

Sekian, terima kasih.